

## NEWSLETTER BIL. 3/2016 (FEBRUARI)

### PENGANUGERAHAN SKM TAHAP 3



Seramai 12 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (ISMPV) elektif Elektrik dan Elektronik yang juga merupakan graduan sulung bagi program ini telah dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) pada Tahap 3. SKM ini merupakan nilai tambah kepada program yang ditawarkan di FPTV bagi membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan. Ini adalah kerana Persijilan Kemahiran diiktiraf oleh industri di Malaysia. Sijil Kemahiran tersebut dapat menyediakan suatu laluan kerjaya dan pembangunan diri yang menarik setanding dengan laluan kerjaya berasaskan kelayakan akademik. Di samping itu Persijilan Kemahiran Malaysia berupaya melahirkan pekerja mahir yang terlatih dan berkelayakan untuk mempertingkatkan daya saing industri tempatan di pasaran dunia.

### LAWATAN KERJA TIMBALAN DEKAN HEPA

#### A. LAWATAN KERJA KE KOLEJ KOMUNITI:

Satu siri lawatan ke Kolej Komuniti (KK) Batu Pahat, KK Ledang, KK Segamat dan KK Segamat 2 telah diadakan pada bulan Januari dan Februari bagi mempromosi FPTV dan membincangkan kerjasama yang boleh diwujudkan antara kedua-dua pihak.



#### B. PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT FPTV BERSAMA PEJABAT HUM:

Program Khidmat Masyarakat FPTV Bersama Pejabat HUM telah diadakan di Kampung Dato' Ibrahim Majid, Mukim Ulu Benut, Kluang pada 4 Februari lalu. Satu projek *homestay* telah disempurnakan pelancarannya oleh Pegawai Daerah Kluang, iaitu Tuan Haji Muhammad Fuad bin Haji Radzuan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah Program gotong royong, perkongsian masakan kampung dan barat, dan aktiviti berkayak.

